

Kemajuan projek dijangka lonjak untung Kerjaya Prospek

Kerjaya Prospek Group Bhd dijangka merekodkan keuntungan suku keempat antara RM60 juta hingga RM70 juta, meningkat 15 hingga 35 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Penganalisis RHB Investment Bank Bhd, Adam Mohamed Rahim, berkata jangkaan itu didorong kemajuan kerja projek sedia ada serta sumbangan lebih kukuh daripada bahagian pembangunan hartanah.

Beliau berkata, pertumbuhan itu disokong peningkatan bil kemajuan daripada projek yang sedang dilaksanakan selain prestasi lebih baik dua pembangunan hartanah dengan nilai pembangunan kasar (GDV) gabungan sebanyak

RM800 juta.

Sehubungan itu, pihaknya mengekalkan saranan 'beli' terhadap saham Kerjaya Prospek dengan harga sasaran RM3.35 sesaham.

Adam berkata, antara sorotan utama suku keempat adalah projek Astrum Ampang yang merangkumi 5,255 unit 'small office home office' (SOHO) di Jalan Jelatek.

Beliau berkata, projek berkenaan mencapai pencapaian penting pembinaan apabila kesemua enam menara kediaman berjaya mencapai peringkat *topping out* atau penyalapan struktur bumbung bangunan pada awal Disember tahun lalu.

Katanya, Astrum Ampang adalah kontrak terbesar pernah dipe-

roleh Kerjaya Prospek dengan nilai RM710 juta.

Surat anugerah diterima pada Februari 2022 dengan tempoh siap disasarkan dalam masa 53 bulan bermula Jun 2022.

"Berdasarkan anggaran kami, projek Astrum Ampang dijangka telah mencatat kemajuan antara 80 hingga 90 peratus setakat ini," katanya.

Selain itu, RHB Investment Bank menganggarkan buku tender aktif Kerjaya Prospek ketika ini berada dalam lingkungan



Adam Mohamed Rahim

RM1.5 bilion hingga RM2 bilion, dengan lebih 50 peratus terdiri daripada kontrak pihak berkaitan, selain campuran projek kediaman dan perindustrian.

Firma penyelidikan itu turut melihat potensi limpahan kontrak daripada yang menyasarkan pelancaran projek baharu dengan GDV sebanyak RM1 bilion setahun.

Sasaran itu berpotensi diterjemahkan kepada nilai kontrak antara RM400 juta hingga RM500 juta kepada Kerjaya Prospek.

Dalam perkembangan berkaitan, Adam berkata projek penambakan di Andaman Island yang kini siap kira-kira 70 peratus turut membuka ruang kontrak tambahan bagi baki kerja penambakan.

"Kami menganggarkan potensi nilai kontrak bagi baki kerja penambakan itu adalah antara RM300 juta hingga RM500 juta," katanya.

Secara keseluruhan, prospek Kerjaya Prospek dilihat kekal positif disokong aliran kerja yang mapan, kemajuan projek berskala besar serta potensi kontrak baharu daripada pihak berkaitan dan pembangunan berterusan di Andaman Island.